

DUNIA DAN BARAT: PANDANGAN HIDUP DAN PEMBABITAN ANTARABANGSA

MOHAMAD ABU BAKAR

PANDANGAN DUNIA DAN PENGLIBATAN ANTARABANGSA

Barat, dalam ertikata negara-negara Barat yang mendukung demokrasi liberal dan Kapitalisme, kini semakin membesar. Dahulunya ia terhad kepada Amerika Syarikat dan Kanada di sebelah pihak, dan negara-negara Eropah Barat di sebelah pihak yang lain; sekarang sempadannya meliputi beberapa negara Eropah Timor dan bekas republik Soviet Union. Pengluasan daerah fizikal ini bermakna kehidupan yang berpaksikan pandangan-dunia (*world view*) sekular itu semakin diterima-pakai, suatu yang membolehkan Barat berinteraksi dan berkonfrantasi dengan cara hidup lain dengan lebih berkesan lagi. Dunia bukan-Barat yang berdampingan dan bergandingan dengan Barat ini, semakin berada dalam keadaan tertekan, dan sebahagiannya semakin sujud kepada realiti ini. Perkembangan ini mengukuhkan lagi trend ke arah pembentokan orde baru mengikut acuan Barat itu, dan menjanjikan pengekaln keselamatan dan kemewahan hidup yang sedia dikecapinya.

Pandangan hidup Barat ini pada umumnya adalah jelas dan mudah difahami, dan senang pula dipasarkan. Secara ringkas, ia adalah demokrasi-liberal dan ekonomi bebas, yang bertunjangkan falsafah sekular. Dalam penjajaannya, Barat telah memperincikannya sebagai gagasan yang mengandungi unsur-unsur kebebasan individu, penglibatan terhad kerajaan, pemerintahan oleh majoriti, hak golongan minoriti, pasaran bebas dan seumpamanya. Nilai-nilai yang di dukung dan yang hebat diantarabangsakan ini menentukan pengetahuan, dan jenis pengetahuan yang dipopularkan untuk kejayaan orde politik dan ekonomi internasional ini amat sekular sifatnya. Disinilah terletaknya asas konflik Barat dan dunia bukan-Barat, lanjutan daripada pembabitan antarabangsa Amerika Syarikat dan negara sekutunya.

Sejarawan terkenal, Arnold Toynbee, menerusi buku kecilnya *The World and the West*, pernah menghuraikan tentang pertembongan Barat dan dunia bukan-Barat, yang meliputi Asia dan Afrika. Fokus perbahasannya ialah kesan-akibat penjajahan fizikal dan penularan fikiran Barat ke atas umat manusia bukan-Barat, dan pelbagai reaksinya terhadap pengaruh asing itu. Pengamatan tersebut dibuat berdasarkan realiti zaman penjajahan dan pasca-kemerdekaan, dan pertama kali dirakamkan dalam Syarahan Reithnya menerusi Radio B.B.C. pada tahun 1952.¹ Interaksi Barat dan dunia selepas tamatnya Perang Dingin mengandungi banyak dimensi baru, di samping mengekalkan beberapa aspek lama yang pernah dibentangkan oleh Arnold Toynbee. Malah pandangan sejarawan British itu kelihatan simplistik jika dipadankan pada pelakuan hari ini. Barat kini bukan

sekadar mengembangkan pengaruhnya di dunia bukan-Barat, tetapi pada umumnya telah bersatu dalam gagasannya mensejagatkan nilai-nilainya, dengan menggunakan institusi nasional dan internasional untuk mencapai matlamatnya.

Kekalahan Soviet Union dalam Perang Dingin, dan kehancuran negara tersebut, menjadi perangsang besar kepada Barat untuk memasarkan ideologinya. Kalaulah sebuah kuasa utama berakhir sedemikian akibat daripada kemerosotan ekonomi dalam negeri dan tekanan dari luar, maka Barat berpandangan bahawa negara kecil dan negara pertengahan adalah jauh lebih mudah untuk ditundukkan dalam skema pengelusan dan pengukuhan pandangan hidup Barat. Beberapa langkah utama yang diambil oleh Presiden Reagan telah diperhebatkan oleh Bush dalam usaha mensejagatkan nilai Barat, dan mercu kepada program pensejagatan 'keamanan dan institusi kebebasan' ini ialah pelanggaran bersama yang dilakukan oleh Amerika Syarikat dan negara sehaluan dengannya dalam Perang Teluk. Penundukan Iraq dan pembebasan Kuwait bererti pengaliran minyak kepada Barat dapat diteruskan, dan memastikan kehidupan material Barat tidak terganggu. Sementara menerusi Perang Teluk juga, Barat berjaya memperlihatkan kepada negara Arab bahawa mereka seharusnya bersandar kepada Barat untuk mendapat keselamatan, dan pada masa yang sama, menggunakan wang minyak mereka untuk membeli senjata canggih. Kedua-dua pelakuan ini akan menguntungkan Barat.

Sungguhpun pada akhir-akhir ini Presiden Clinton memperlihatkan kecenderongan untuk menjaga 'keselamatan manusia',² arus pemikiran dan pelakuan menjelaskan bahawa Amerika Syarikat akan berterusan bertindak menentu-corakkan perkembangan internasional. Sebagai pelupur pandangan hidup Barat, Washington berada di tempat yang amat strategis untuk memainkan peranannya. Mata wang, budaya business, bahasa, dan banyak nilai-nilai Amerika yang lain semakin beredar³ berikutan kelumpuhan Kominisme. Turut dipopularkan ialah pandangan bahawa negara demokrasi tidak akan berkonflik sesama mereka⁴ - iaitu suatu pegangan yang semakin mendasari pemikiran politik kepimpinan Amerika Syarikat dalam penerajuan dunia antarabangsa semasa. Kini Washington bukan sahaja merasa dirinya tidak lagi terbeban oleh ancaman Komunis, tetapi ia juga dirangsangi oleh pemimpin-pemimpin seperti Bush yang mahu melihat kemunculan alam antarabangsa yang memunafatkan sistem Amerika. Mereka mahu mengulangi kejayaan yang ditempa sebelum ini, apabila pertolongan Washington terhadap Eropah Barat dan Asia Jauh (Jepun dan Korea Selatan) selepas Perang Dunia Kedua mengalirkan kembali keuntungan ekonomi kepada Amerika Syarikat. Manakala dari semasa ke semasa pula telah muncul tokoh-tokoh seperti Jeneral Colin Powell yang membangkitkan kedudukan Amerika yang kononnya telah dipilih oleh Tuhan (*manifest destiny*) untuk mempelupuri dunia.

Kejayaan Amerika Syarikat dalam Perang Teluk dilihat sebagai satu lagi petanda bahawa nilai dan idea kebaikan Amerika telah menguasai dunia, dan Presiden Bush mahu melanjutkan proses pengluasan pengaruh negaranya sehingga ia meliputi seluruh dunia.⁵ Kepimpinan Amerika dan *Pax Americana* memerlukan

arah baru dengan ketiadaan cabaran besar komunis, dan tanpa itu semua identiti dan destini Amerika Syarikat akan terjejas. Dahulunya Kominisme membentuk fikirannya sehingga ia terpaksa menghalakan 34% daripada pendapatan nasional untuk kekuatan militaranya. Bukan sedikit cerdik-pandai Amerika yang diserapkan ke dalam industri senjata semata-mata untuk mengeluarkan peralatan perang yang canggih; malah setelah tamatnya Perang Dunia Kedua, pemusatan Amerika kepada penyelidikan dan pengeluaran senjata terbaik menjadi suatu obsesi, apatah lagi selepas Soviet Union juga mampu mengeluarkan bom atomnya. Sehubungan ini, propaganda Barat dalam penentangannya terhadap Iraq, amat berkesan sehingga negara Arab turut mengikut telunjuknya. Tambahan pula, Amerika Syarikat begitu berupaya menggunakan tekanan ekonomi terhadap negara-negara berkenaan, seperti Mesir yang bergelumbang dengan hutang itu, supaya menyokong pendiriannya. Pada zahirnya, isu moral yang kelihatan berbangkit; perjuangan membendong Bagdad dipaparkan sebagai 'persoalan moral besar sejak Perang Dunia Kedua'⁶ dan sebagai langkah untuk membantut kuasa anarki dan tirani. Sebenarnya, pengepungan dan pemusnahan Iraq berkaitan rapat dengan pertahanan cara hidup Barat yang amat bergantung kepada sumber minyak negara Arab dan keselamatan antarabangsa di Timor Tengah.

Suatu dimensi lain dalam perancangan Barat untuk memajukan cita-citanya ialah pengluasan pengaruh Israel. Seiring dengan kelumpuhan Soviet Union dan perpecahan Komunisme, ialah proses damai Timor Tengah yang melibatkan negara Arab dan Tel Aviv. Semenjak dahulu lagi, penyokongan Amerika Syarikat, khususnya, dan negara Barat lain umumnya, terhadap negara Yahudi mempunyai perhubungan juga dengan idea pertahanan cara hidup Barat. Semenjak penubuhannya pada tahun 1948, Israel dilihat sebagai pulau demokrasi di tengah-tengah lautan negara Arab yang bergelombang dengan pelbagai masalah, ia sebagai negara yang mampu mempertahankan kepentingan strategis Barat di Timor Tengah. Penyokongan yang diberi oleh Presiden Truman, dan kemudiannya oleh presiden-presiden Kennedy dan Johnson, terhadap negara Yahudi itu bukan sahaja diakibatkan oleh pengaruh Zionisme, tetapi juga hasil daripada kesedaran bahawa Israel boleh dipertanggungjawabkan sama untuk mempertahankan pandangan-dunia Barat secara langsung dan tidak langsung. Kalau dahulunya Israel berperanan mengawasi kebangkitan Palestin yang ditajai oleh negara Arab, maka kini Israel turut dipertanggungjawab untuk menangani kebangkitan Islam, terutama sekali selepas kejatuhan Shah di Iran. Destini Barat dan Israel terjalin dalam satu kesatuan, sekalipun Israel bukanlah sepenuhnya negara yang mendukung sistem sekular memandangkan pengaruh Yahudi ortodoks yang semakin membesar di negara tersebut. Satu aspek lain dalam perkembangan ini ialah penerokaan ekonomi Israel di beberapa buah negara Arab, seperti Jordan, Oman, Bahrain, Magribi dan Tunisia, berikutan terjalinnya hubungan diplomatik negara tersebut dengan jiran-jirannya. Jelas sekali negara tersebut turut menjadi pintu masuk untuk kapitalisme Barat bagi kawasan-kawasan yang terletak ke timurnya.

Jelas sekali persoalan pokok dalam hubungan antarabangsa Barat ialah kepentingan yang berpusat pada pandangan hidup sekularnya. Pensejagatan nilai demokrasi dan pembelaan hak asasi manusia adalah keutamaan kedua, dan boleh diketepikan dalam perkiraan ini. Pelanggaran Kuwait oleh Iraq adalah sama bahayanya dengan kejatuhan Shah di Iran dalam perspektif Barat, kerana kedua-dua peristiwa itu boleh membawa kepada penjejasan kepentingan Barat. Sebelum meletusnya Perang Teluk, Amerika dan sekutunya telah mendalangi penyerangan Iraq ke atas Iran, dan dari semasa ke semasa telah membantu Bagdad memastikan Teheran tidak mencapai kemenangan. Pihak itu membekalkan maklumat kepada Iraq tentang pergerakan tentera Iran, dan telah melupuskan hutang yang belum dibayarnya, di samping menjanjikan subsidi, bertujuan mengukuhkan kedudukan rejim Saddam Hussein. Di sini kebimbangan Barat ialah terhadap pengluasan pengaruh Islam. Setelah tamatnya Perang Iran-Iraq, dan setelah mendapati Iraq begitu berpotensi mengganggu kepentingan Barat di Timur Tengah, Baghdad semacam digalak melanggar Kuwait bagi membolehkan Barat mendapat alasan untuk menghancurkan Iraq pula. Duta Amerika ke Iraq hanya sekadar mengatakan bahawa beliau tidak kisah terhadap konflik sesama Arab, seperti perjanjian sempadan antara negara itu dengan Kuwait,⁷ apabila Saddam Hussein membangkitkan isu pertelingkahannya dengan negara kecil yang kaya dengan hasil minyak itu. Baghdad telah masuk ke dalam perangkap yang disediakan oleh Barat, dan akhirnya menerima kehancuran. Lebih dari itu lagi, Barat juga berkemampuan menguji senjata canggihnya, seperti pesawat jenis Stealth, peluru patriot, dan bom berpandukan laser. Tidak kurang menariknya ialah apa yang berlaku ke atas logi nuklear Iraq di Osirak sebelum Perang Teluk. Rancangan nuklear Baghdad tersebut berjalan bertahun-tahun dengan bantuan sebuah negara Barat, iaitu Perancis, dan apabila ia dianggap sebagai suatu ancaman kepada Israel, Tel Aviv telah bertindak mengebomnya. Pengeboman itu dilakukan dengan restu Presiden Mitterand.⁸ Pertahanan cara hidup Barat terbukti sekali dalam kesatuan cita-cita dan tindakan Israel dan Perancis ini.

Sebenarnya bukan semua pemikir politik dan pembuat dasar di Barat sependapat tentang pembabitan antarabangsa ini. Setelah tamatnya Perang Dingin, dan musnahnya dunia komunis, terdapat juga golongan yang mahukan Barat menyisihkan diri dan menumpukan perhatian kepada masalah dalam negeri. Isu pengangguran, konflik etnik, dadah, AIDS, dan sebagainya memerlukan rawatan segera dan ini telah memalingkan perhatian pihak ini supaya tidak lagi memusatkan pandangan kepada dunia bukan-Barat. Satu pihak lain pula mahukan perhatian diberi kepada masalah antarabangsa bersama yang berligar pada isu kemanusiaan dan keadilan, seperti proses penentuan diri (*self-determination*), pencemaran alam, dan proses penumbuhan penduduk di Dunia Ketiga. Dunia yang lebih aman, dan bukan sekadar Barat yang lebih bahagia, menjadi idaman golongan ini.⁹ Namun begitu, dalam konteks politik dunia semasa, pihak-pihak ini tidak begitu berpengaruh

dan berperanan, apatah lagi jika terdapat konflik internasional yang mampu menjejaskan kepentingan nasional. Pada kebiasaannya mereka terpaksa tunduk kepada realiti. Akibatnya, malapetaka yang menimpa rakyat Bosnia-Herzegovina tidak mendapat respons segera dari pemimpin-pemimpin seperti John Major dari Britain.¹⁰ Seorang penulis menjelaskan bahawa “Serbs, tidak seperti Nazi, bukanlah merupakan ancaman kepada London atau Paris”. Bosnia-Herzegovina yang didiami oleh majoriti penduduk Islam itu tidak mempunyai sumber minyak seperti Kuwait, dan tidak pula terletak di persimpangan strategis. Tegasnya Bosnia-Herzegovina tidak penting kepada Barat.

POLITIK BARAT DAN HUBUNGAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pengembangan tradisi politik dan sistem ekonomi Barat ternyata menjadi persoalan dasar dalam perancangan Barat dalam hubungannya dengan dunia luar. Pencapaiannya menjamin masa depan cara hidup modennya yang sekular itu. Kadangkala kedua-dua aspek politik dan ekonomi ini diberi penekanan serentak; persoalan demokrasi mendapat pemberatan sama dengan isu perdagangan dan pelaburan. Tetapi apabila Barat berdepan dengan keengganan pihak luar untuk tunduk kepada tuntutan politiknya, terutama sekali berhubung hak asasi manusia, ia sanggup juga meneruskan misi ekonominya. Sungguhpun terdapat pandangan bahawa pengorbanan ini akan membuka jalan kepada penularan idea kebebasan dan demokrasi akhirnya, keterlibatan Barat pada keseluruhannya tetap berpaksikan kepentingan materialnya. Sesungguhnya bagi Barat perolehan ekonomi mengandungi erti yang besar, serta mempunyai implikasi ke atas pemupukan dasar politiknya. Secara langsung, perdagangan, pelaburan dan perkembangan teknologi mendatangkan pulangan lumayan, manakala secara tidak langsung ini semua mampu mendekatkan hati negara luar kepada cara hidup yang terpupuk di Barat. Kebahagiaan dan kesejahteraan hidupnya menjadi keutamaan, dan jika ia boleh dicapai menerusi pensejagatan demokrasi, maka itu dianggap lebih baik. Jika tidak secara demikian, maka ia akan melakukan apa sahaja untuk mencapai matlamatnya.

Barat bukan sahaja menghadapi dunia bukan-Barat dengan keyakinan baru atas kemenangannya dalam Perang Dingin, tetapi ia juga begitu berkesedaran tentang keperluan dunia luar terhadapnya. Ia adalah pengeluar barang-barang buatan (*manufactured goods*), dan peralatan perang canggih utama. Perniagaan dan perdagangan ini memberinya tukaran luar yang besar, yang seterusnya membantunya dari segi penyelidikan, penyediaan kerja, dan peningkatan taraf hidup. Menerusi dominasinya ke atas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Bank Dunia dan agensi-agensi internasional yang lain, ia berjaya mengukuh dan memperluaskan penguasaan ekonominya. Sementara penguasaannya ke atas Kumpulan-7 negara-negara maju menambah-kuatkan kedudukan tersebut.

Selama ini kedua-dua Amerika Syarikat dan Eropah Barat menjadi tarikan kepada dunia bukan-Barat disebabkan pencapaiannya. Kini pihak yang sama merasa lebih berkeupayaan untuk menawan negara Eropah Timor yang terletak berhampiran dengan Eropah Barat. Begitu juga dalam penjajaan dan penjualan senjata. Penumpuan kepada Barat untuk mendapat peralatan perang semakin meningkat. Zaman pasca Perang dingin telah membuka ruang yang sangat luas untuk perdagangan senjata. Pembabitan ini bukan sahaja membantu perkembangan ekonomi, menerusi penyediaan kerja kepada ahli sains, juru teknik dan anggota tentera, dan dalam bentuk pulangan tukaran asing, tetapi juga membolehkan Barat menguji-kaji senjata terbarunya, dan merencanakan lagi saingan antara negara musuh atau negara yang berpotensi menjadi musuh. Serentak dengan itu, Barat juga berkedudukan memastikan agar dunia luar berterusan tunduk kepadanya. Amerika Syarikat dan Perancis adalah antara peniaga senjata terbesar, dan negara Timor Tengah adalah antara pembelinya yang paling aktif. Amerika Syarikat mengeksport senjata bernilai 25 billion dollar setahun, manakala Perancis pula mengeksport senjata bernilai 11.4 billion dollar setahun akhir-akhir ini. Dalam keghairahan mereka membangun angkatan tentera dan mengukuhkan pertahanan nasional, negara-negara bukan-Barat terpaksa menggunakan peruntukan besar dari pendapatan negara, atau berhutang, untuk memiliki peralatan perang.¹¹

Kita akan memperolehi gambaran yang lebih menyeluruh tentang pengluasan dan kerancangan aktiviti ekonomi Barat ini dari hubungannya dengan beberapa negara tertentu di dunia. Negara-negara berkenaan termasuklah negara-negara Eropah Timor yang baru bebas dari Moscow, Republik Rakyat China yang masih kekal sebagai kuasa besar komunis, dan India yang merupakan demokrasi terbesar di dunia. Pada umumnya, negara-negara Eropah Timor telah didatangi dengan penuh minat, kerana ia kelihatan begitu ghairah untuk mendakap falsafah hidup Barat, manakala negara-negara bukan Barat lain dihubungi secara berperingkat disebabkan beberapa kekhuatiran dan hambatan yang menyelubungi perhubungan antara mereka.

Eropah Timor adalah medan penuh berpotensi dari segi pengembangan cara hidup Barat. Rakyatnya yang terdiri dari bangsa Eropah dan pengikut Kristian, menganut budaya yang tidak banyak berbeza dari budaya pegangan penduduk Eropah Barat, sekalipun mereka telah begitu lama bernaung di bawah kominisme. Tekanan Moscow ke atas negara-negara Eropah Timur semakin mengendur, suatu keadaan yang memudahkan rakyat memalingkan perhatian ke barat untuk mendapat inspirasi, bimbingan dan bantuan. Daerah yang terletak berdekatan dari segi geografi itu juga lebih mudah dibuka dan diterokai untuk pemasaran barang-barang buatan Eropah Barat. Amerika Syarikat, Jerman dan Perancis khususnya amat memahami potensi ini, dan awal-awal lagi telah menumpukan perhatiannya kepada Eropah Timor. Tambahan pula, penduduk Eropah Timor semakin asyik mengikut perkembangan ekonomi yang terdapat di negara-negara jirannya di sebelah barat. Penganutan polisi liberal demokrasi dan sistem kapitalis secara meluas olehnya

diharap akan menjadi kenyataan bila-bila masa.¹²

Perlumbaan mendapat habuan di kalangan negara-negara Barat sememangnya dibuat atas perkiraan kepentingan nasional, tetapi pembabitan ini juga secara sedar memberi faedah jangka pendek dan jangka jauh kepada pemupukan kebudayaan Barat pada keseluruhannya. Amerika Syarikat mula berusaha secara terbuka untuk membangun politik dan ekonomi Eropah Timur seawal tahun 1989, apabila Presiden Bush melawat Poland dan Hungary dan memberi konsesi kepada negara berkenaan bertujuan memulih ekonomi masing-masing.¹³ Jerman pula telah menawarkan 2.2 billion dollar dalam bentuk bantuan kepada Poland.¹⁴ Perancis membuat tawaran serupa berjumlah 642 juta dollar kepada negara itu. Strategi Barat ialah untuk membawa negara-negara Eropah Timur ke dalam sistem kerjasama dan hubungan ekonomi Eropah Barat yang terpupuk berikutan penubuhan Komuniti Ekonomi pada tahun 1955. Sekalipun Barat tidak begitu berkecenderungan membawa setengah negara Eropah Timur ke dalam pakatan pertahanan NATO, apatah lagi dengan adanya bantahan Rusia, ia tidak begitu keberatan membawanya ke dalam skema ekonominya.

Sekalipun Republik Rakyat China masih berterusan dilihat sebagai pencabar kepada kepentingan strategis Barat, sehingga membuat Amerika Syarikat mewujudkan kerjasama dengan Jepun untuk mengawasinya, dan membuat ia meneruskan penjualan senjata ke Taiwan, negara itu juga semakin dipandang sebagai rakan dagangan yang berpotensi, dan bakal penyumbang kepada kejayaan blok ekonommi di Asia jauh dan Rantau Pasifik. China adalah salah sebuah daripada sepuluh negara dagangan (*trading nations*) utama di dunia, dan menerusi hubungan ekonominya dengan Hong Kong dan Taiwan ia menjadi sebahagian daripada zon ekonomi terpenting. Penduduknya yang terbesar di dunia berjumlah 1.2 billion manusia bukan sekadar sumber kekuatan militari, yang kini sudah terdiri dari 3.2 juta soldadu, tetapi juga asas kepada pengluasan kawasan pasaran bagi barang-barang keluaran Barat. Berdasarkan kedudukan ini, China semakin rancak diperkenalkan kepada pelaburan, teknologi dan kepakaran oleh Barat. Sejarah ekonomi dunia akan mengalami perubahan besar, mengikut perkiraan Barat, apabila China terserap dalam komuniti internasional mengikut kehendaknya, apatah lagi dengan kedudukan negara komunis itu sebagai kuasa utama kedua selepas Amerika Syarikat berikutan keruntuhan Soviet Union. China diperlukan untuk terlibat dalam arus besar ekonomi dunia.¹⁵ Sudahpun kedapatan syor agar Beijing dimasukkan ke dalam organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Dagangan Antarabangsa, dan dijemput sama menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 7 selaku pemerhati. Tidak kurang juga pentingnya ialah kedudukan China yang berpengaruh di Korea Utara dan kedudukannya yang mengancam di Asia Tenggara. Dalam rancangan Barat untuk melumpuhkan sistem nuklear Korea Utara dan membendong konflik di Laut China Selatan, kerjasama China diperlukan.¹⁶

Akhir-akhir ini bukan sahaja China yang cuba dimanipulasikan oleh Barat untuk tujuan ekonominya; beberapa buah negara komunis lain yang selama ini bermusuhan dengannya juga turut menjadi sasaran. Vietnam dan Kemboja adalah calon-calon utama Barat di Asia. Syarikat-syarikat dari Amerika begitu berminat untuk menanam modal di Vietnam, dan semenjak awal 1994, ia telah meneroka pasaran negara itu yang semakin terbuka itu. Mobil, Coco Cola dan General Electric kini berada di barisan depan dalam penerokaan ini.¹⁷ Seorang penulis menggambarkan Hanoi sebagai “the new magnet for the entrepreneurs seeking one of the new frontier cities left in Asia”. Sememangnya terdapat beberapa hambatan yang mengganggu perkembangan perusahaan dan perdagangan antara Barat dan Vietnam, seperti dasar buruh dan sistem perundangan negara tersebut yang bersifat menekan. Berikutan lawatan beberapa pemimpin Amerika ke Kemboja, negara itu juga semakin dilihat dari perspektif yang serupa. Apatah lagi pemimpin negara komunis berkenaan turut sama menyanjung cita-cita pasaran terbuka dan menyatakan kesanggupannya untuk melihat negara mereka menjadi rakan dalam perdagangan antarabangsa. Universiti Georgetown telah pun memperkenalkan kursus perdagangan di Kemboja bertujuan memperluaskan jalan kepada laluan ekonomi bebas Barat.

Barat tidak menghadapi banyak masalah mengurus kedudukan di India dalam penjajaan pandangan-duniannya, dan dalam pengluasan ekonomi kapitalisnyta. India adalah negara demokrasi terbesar di dunia, dan Bahasa Inggeris digunakan secara meluas di negara tersebut. Di samping faktor-faktor lain, ini sebenarnya memudahkan pelaksanaan ekonomi bebas di situ. Dengan penduduknya mencecah 900 juta manusia, dengan kekuatan golongan menengah seramai 200 juta orang yang mempunyai pendapatan melebihi keperluan, India amat berpotensi untuk dijalinan ke dalam ekonomi antarabangsa tajaan Barat. Hingga kini lebih dari 400 syarikat Amerika telahpun melabur di negara tersebut, dan ia termasuk General Electric dan Coco Cola.¹⁸

Pembabitan ekonomi Barat tidak hanya terhala kepada negara bekas Soviet Union dan negara komunis, tetapi juga kepada negara-negara yang dicap sebagai negara ‘pelindong penganas’ dan ‘rogue states’, seperti Iraq, Libya dan Iran. Beberapa negara Barat seperti Perancis telah berusaha untuk mengadakan hubungan dagangan dengan Iraq, walaupun PBB terus mengenakan sekatan ekonomi ke atas negara tersebut. Setakat ini hanya Amerika Syarikat sahaja yang berkeras mahu mengekalkan ‘embargo’ ke atas Iraq, atas alasan negara itu masih belum memusnah senjata besarnya, masih gagal memulangkan barang rampasan yang diambilnya dari Kuwait, dan masih belum memberhentikan pemerasan ke atas kaum minoriti Kurd dan Syiah. Negara-negara barat enggan untuk bekerjasama sepenuhnya bagi melumpuhkan Libya, walaupun negara itu disifatkan sebagai pengancam keselamatan dunia.¹⁹ Kecaman terhadap ketidak-adilan, kezaliman dan sebagainya yang dihalakan kepada Qadafi tidak dituruti oleh tindakan boikot oleh Itali, Jerman dan Sepanyol, yang mempunyai sebab ekonomi untuk tidak mengindahkan permintaan Washington. Begitu juga apabila Amerika Syarikat bertindak memulaukan Iran. Jerman,

Perancis dan Britain serta rakan Barat di Asia, Jepun, memilih jalan untuk tidak mematuhi Washington demi kepentingan ekonominya.

Namun begitu, Barat bukanlah seratus peratus mengeneppikan perkiraan keselamatan dalam perlumbaan ekonominya. Seandainya kepentingan strategisnya berkemungkinan terjejas, ia tetapi akan bekerjasama untuk menunduk negara pencabar. Apatah lagi sekiranya pertimbangan ini berkaitan dengan keselamatan negara sumber tenaga seperti Kuwait dan Arab Saudi. Negara-negara Arab ini adalah pengeluar minyak utama, dan negara-negara Eropah Barat serta Jepun begitu bergantung kepadanya. Sebelum kemusnahannya di tangan Amerika Syarikat dan negara sekutunya dalam Perang Teluk, Iraq sedang dalam rangka usaha mengeluarkan bom atom dan bom biologi, dan ahli sains dan pakar tekniknya yang berjumlah 15,000 hingga 20,000 orang sedang rancak merancang dan membina senjata tersebut. Pemerintahan diktator Saddam Hussein tidak menjamin keselamatan Barat di Timur Tengah dan boleh memerbahayakan pengaliran dan pembekalan minyak yang diperlukannya.

Satu aspek dalam perhubungan ekonomi Barat dan negara-negara yang dianggap 'pelampau' ini adalah kepercayaannya bahawa pihak berkenaan akan menjadi 'bertamadun' seandainya ia berinteraksi dalam dagangan atau pasaran bebas. Proses demokrasi dipercayai akan mendapat munafaat dari perkembangan ekonomi apabila taraf hidup rakyat meningkat dan fikiran pemimpin mereka menjadi semakin terbuka.²⁰ Pengaruh Islam fundamentalis juga diharap akan turut mengurang apabila rakyat memperolehi kejayaan material atau mengecapi kemewahan hidup.²¹

Di sini tidaklah pula hendak dinafikan risiko yang kadangkala terpaksa dihadapi oleh Barat dalam penyediaan suasana bagi membolehkannya mengembangkan ekonominya di luar perbatasan Barat. Jumlah hampir 400 juta dollar yang dikorbankan oleh Amerika Syarikat ke arah itu di Somalia terbukti mengeciwakan penanam modal, apabila negara itu dilanda huru hara perang saudara. Pengorbanan 100 juta dollar pada tahun 1994 dengan diikuti oleh pengorbanan sejumlah yang sama pada tahun berikutnya yang dibuat oleh Washington di daerah yang kini di bawah pentadbiran Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), tidak banyak memberi kesan, dan Barat masih jauh daripada memperolehi kedudukan untuk menanam modal atau menjadikan kawasan itu pasaran kepada barang-barangnya.

PERTENTANGAN BARAT - DUNIA ISLAM

Islam semakin terpampang sebagai musuh Barat, dan bukan setakat sebagai pencabar kepada tamadun Barat sebagaimana yang dinukilkan oleh Samuel Huntington. Islam disamatarafkan dengan Komunisme ketika ideologi itu bermaharajajela di seluruh pelusuk dunia - lantas ia digelar 'Komunis Baru'.²² Sebagaimana Komunis, Islam juga boleh dibentangkan menerusi stereotaip, atau

gambaran yang sedia ada pada orang Barat tentang agama itu - iaitu agama orang Turki dan Arab, iaitu bangsa yang pernah merempuh dunia Kristian suatu masa dahulu, kepercayaan hidup yang berkecenderungan universal, dan suatu pandangan-dunia yang mampu menjejaskan cara hidup Barat. Persepsi seterusnya ialah seandainya Islam bertakhta di Timur Tengah, maka pengaliran minyak dari daerah itu akan terbantut, dan Barat akan merana akibat daripada kemerosotan ekonomi. Pengalaman selepas Perang Arab-Israel ke 4 menjadi pengajaran kepada mereka, iaitu bagaimana penguasaan sumber minyak oleh pihak yang bermusuhan dengan Barat boleh merosak kehidupan Barat. Oleh itu untuk memastikan kebangkitan Islam terbendung, rejim-rejim yang bertentangan dengan pergerakan Islam didukung dan disokong, hatta sekalipun ia adalah pemerintahan kuku besi atau otoritarian. Nilai politik golongan Islam merosot setelah berakhirnya Perang Dingin, dan ia tidak diperlukan lagi untuk mengimbangi puak kiri dan komunis. Perkiraan strategis dan ekonomi berfungsi dalam perhubungan Barat dan dunia Islam.

Pemimpin-pemimpin politik Barat umumnya sebulat suara berpendapat bahawa Islam adalah ancaman kepada keselamatan mereka. Kehidupan Barat yang berpaksikan falsafah sekular moden, dan keamanan Barat yang terbentuk oleh kemajuan material, difikir akan tercabar sekiranya negara Muslim berpemerintahan cara Islam, atau pengaruh Islam merebak di rantau yang strategis seperti Timuor Tengah. Pakatan ketenteraan Barat mula dihala kepada Islam. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Setiausaha Agong NATO, Islam 'militan' adalah ancaman menggerunkan kepada keselamatan Barat.²³ Sehubungan ini, mengikut akhbar *Washington Post* tanggal 9 Februari 1995, NATO telah membuat keputusan untuk mengadakan rundingan dengan lima negara Afrika Utara dan Timur Tengah dengan bertujuan mengadakan strategi bersama bagi menentang ancaman yang dibangkitkan oleh Islam 'pelampau'. Tidak hairanlah, dalam pengawasan kehidupan Barat ini, Setiausaha Pertahanan Amerika, William Perry, awal-awal lagi menolak kemungkinan penyertaan negara-negara Muslim Asia Tengah, Uzbekistan dan Kazakhtan, dalam NATO, sedangkan ia membuka ruang kepada kemasukan negara bekas republik Soviet Union yang lain.

Oleh kerana Iran dilihat sebagai negara pengemuka Islam terkemuka di dunia, serta berpotensi mempengaruhi negara-negara jirannya, maka Barat telah memberi penumpuan khusus kepadanya dalam skema pembendungan Islam. Hingga kini, Iran yang pernah digambarkan sebagai sebuah pulau aman yang dikelilingi laut yang bergelombang,²⁴ oleh Presiden Carter, telah menjadi negara Islam yang berminat memasyarakatkan ideologinya di Timor Tengah, dan menjadikan dirinya 'spiritual super -power' yang mampu menjadi saingan kepada Barat. Iran telahpun menjalin hubungan baik dengan beberapa buah negara bekas repulbik Soviet Union, di samping menyediakan bantuan kepada Bosnia. Ia juga mengorak langkah mengadakan persyarikatan dengan pihak lain, sehingga mewujudkan tanggapan bahawa Teheran sedang merancang membentok blok Islam yang meliputi Afrika Utara, Asia Selatan dan Asia Tengah.²⁵ Dengan penduduk seramai 60 juta

orang, dan dengan penguasaannya ke atas Selat Hormuz, Iran berkemampuan menjejaskan kepentingan Barat. Tidak heranlah tindakan Iran membelanjakan 5 billion dollar²⁶ untuk membina kembali kekuatan militaranya, sambil membeli senjata dari negara-negara seperti Afrika Selatan, Rusia, Poland, China dan Korea Utara, begitu sekali diawasi. Beberapa negara yang bukan menjadi sekutu Barat turut sama ditekan agar tidak membantu Teheran dalam program militaranya itu. Walau bagaimanapun, untuk mendapat bekalan minyak atau atas sebab ekonomi lain, kedua-dua China dan Rusia pernah mengenyepikan permintaan Amerika Syarikat supaya memberhentikan kerjasama nuklearnya dengan Iran. China meneruskan rancangannya melatih ahli sains Iran, dan membina pusat penyelidikan nuklear di negara yang kaya dengan hasil minyak itu. Jerman juga menghadapi tekanan serupa dari negara Barat lain yang tidak mahu negara itu berkongsi maklumat nuklearnya dengan Teheran, atau memindahkan teknologi nuklearnya ke pihak tersebut. Sementara beberapa buah negara bekas republik Soviet Union di Asia Tengah cuba dihalang dari menjual bahan nuklearnya ke Iran atas sebab keselamatan.²⁷

Barat tidak sekadar menghadkan dirinya kepada persoalan perkembangan teknologi nuklear di Iran dalam rangka usahanya melumpuh negara Islam itu. Akhir-akhir ini Amerika Syarikat semakin rancak mengenakan tekanan ekonomi ke atas Teheran dengan pelbagai cara, dengan harapan ia akan turut membantut pembinaan militari di negara berkenaan. Pengharaman dagangan (*trade embargo*) menjadi salah satu cara yang telah diusahakan bagi menggagalkan Iran daripada mengeluarkan senjata berat. Syarikat-syarikat Amerika di larang mengadakan perniagaan dengan negara tersebut, dan Syarikat Conoco, yang telahpun membuat persetujuan membina pengkalan minyak terpaksa membantalkan kontraknya. Sebelum itu, pada tahun 1994, berikutan penyertaan Iran dalam sebuah pakatan (*consortium*) bersama beberapa syarikat terkemuka Barat bertujuan membangun Azerbaijan, Washington telah menentang hebat tindakan berkenaan. Barat berminat melihat negara-negara bekas republik Soviet Union muncul sebagai pendukung Kapitalisme untuk menggelakkannya dari pengaruh Islam, selagi itu dapat dilaksanakan tanpa penglibatan Teheran. Ternyata sekali bahawa kebimbangan terhadap kemampuan Iran membangun kekuatan tenteranya menjadi suatu obsesi di Barat, dan negara tersebut tidak akan dibiarkan begitu sahaja. Mengikut akhbar *The New York Times*, tanggal 12 April 1995, badan perisikan C.I.A. telah memperuntukkan sebanyak 4 juta dollar bertujuan mengadakan propaganda anti-Kerajaan Islam Iran.

Perkembangan Islam di beberapa buah negara Arab juga membimbangkan pemimpin dan pembuat dasar Barat yang sensitif terhadap masa depan cara hidup dan kebudayaan mereka. Algeria yang sudah lama berperanan sebagai negara harapan Barat, khususnya Perancis yang pernah menjajahnya, menjadi tumpuan dalam skema pembendongan kebangkitan Islam. Kejatuhan Algeria ke tangan Barisan Keselamatan Islam (FIS) bukan sahaja bermakna sebuah lagi negara Arab mempunyai pemerintahan Islam, tetapi ia juga akan memberi kesan ke atas negara-negara Arab lain di Afrika Utara seperti Tunisia dan Maghribi yang sama-sama

menghadapi tekanan Islam. Bekalan minyak dan gas dari Algeria juga akan terbantut, dan ini akan memberi impak negatif kepada ekonomi Eropah Barat. Serentak dengan itu, pelarian dari Algeria akan membanjiri Eropah sekali lagi, terutamanya Perancis, sebagaimana yang berlaku berikutan kemerdekaan Algeria di awal tahun 1960an. Dalam suasana politik yang masih tidak menentu akibat daripada penentangan golongan Islam, maka tidak hairanlah Barat bekerjasama dengan pemerintah Algiers untuk memusnahkan pergerakan Islam. Badan perisikan Perancis dan pihak tentera negara itu turut membantu pasukan keselamatan Algeria dalam perjuangan membendung Islam fundamentalis. Manakala negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat yang selama ini begitu nyaring memperjuangkan hak asasi manusia dan reformasi demokrasi berdiam diri atau menjauhkan diri apabila pilihanraya di Algeria memberi kemenangan kepada golongan Islam.

Beberapa buah negara Arab yang selama ini merupakan sahabat baik Barat juga berterusan menjadi tumpuan pembuat dasar Amerika Syarikat dan negara Eropah Barat yang berminat untuk menghalang kebangkitan Islam. Pemerintahnya dianggap 'Islamic moderates' dan boleh di pertanggungjawabkan bagi mengekalkan kepentingan Barat di Timur Tengah. Golongan ini yang dihantui oleh kebangkitan Islam begitu mudah terdorong oleh sorotan dan saranan Barat. Soal sama ada negara ini berpemerintahan otoritarian ataupun tidak bukan menjadi pertimbangan Barat lagi. Mesir di bawah Mubarak menjadi harapan Barat dalam rancangan pembendungan Islam. Dengan wujudnya kepercayaan bahawa kejatuhan Mesir ke tangan Islam boleh memberi kesan domino ke atas Timur Tengah dan benua Afrika, apatah lagi setelah Sudan bertukar menjadi sebuah kerajaan Islam dan Algeria dalam keadaan bergolak, Barat berhempas pulas melakukan apa sahaja bagi membantu kerajaan Kaherah yang ada.²⁸ Berikutan pembabitannya dalam rancangan keselamatan Amerika di Timur Tengah, Mesir telah menerima 35 billion dollar sepanjang tahun 1975 hingga 1995.²⁹

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, terdapat juga kepercayaan di Barat bahawa menerusi pendekatan pragmatis, termasuk pemupukan demokrasi dan pembangunan ekonomi, negara-negara Arab yang sedang berdepan dengan kebangkitan Islam mampu mendamaikan hati rakyat. Lantas pemerintah Mesir, Tunisia, Jordan dan Magribi, disarankan supaya mengadakan pilihanraya dan dalam masa yang sama mengadakan pembangunan untuk penduduknya. Dalam keadaan sedemikian, masyarakat akan terbela dan ia akan semestinya menyokong pemerintah. Sebaliknya, pemerasan hak manusia dan kegagalan ekonomi akan mendorong rakyat yang tertindas dan termiskin mencari jalan keluar dengan cara menganut fahaman politik Islam. Harapan pihak ini tertumpu kepada kelas menengah yang dikatakan tidak tertarik terhadap Islam, di samping anggota tentera dan perkhidmatan awam yang sedia tidak senang terhadap Islam. Namun begitu, kerajaan berkenaan amat bimbang untuk membuka ruang seluas-luasnya kepada demokrasi, apatah lagi setelah melihat pencapaian FIS dalam pilihanraya di Algeria. Perubahan strategi dan taktik Barat di negara Arab amat menarik. Dahulunya ketika Perang Dingin,

Presiden Sadat di Mesir, Presiden Boumedienne di Algeria, dan Presiden Bourguiba di Tunisia, masing-masingnya digalak oleh Barat supaya membantu golongan Islam dalam rangka usahanya menghancurkan puak kiri dan komunis.³⁰

Di luar lingkungan negara Arab, maka Turki dan Pakistan merupakan negara yang dipupuk sebagai pembela kepentingan Barat dalam konteks kebangkitan Islam. Turki yang menganut dasar sekular tajaan Kemal Ataturk pernah bergandengan dengan Barat dalam Perang Dingin, termasuk dalam Perang Korea pada tahun 1950, dan dalam Perang Teluk dalam tahun 1990. Ia berharap dapat mengekalkan status kenegaraanya di zaman pasca-Perang Dingin. Turki yang begitu ghairah untuk menanggung Kesatuan Eropah semacam dipertanggungjawabkan dengan tugas menbendung kemaraaan Islam, sekurang-kurangnya dalam negara. Imej Turki sebagai pemimpin empayar Islam lepas masih segar di kalangan umat Islam, dan seandainya negara itu memilih jalan Islam impak kehadirannya adalah besar dan meluas. Barat merasa bimbang terhadap kemungkinan ini.

Seperti Turki, Pakistan juga adalah sahabat lama Barat, dan sepertimana di Turki, pergerakan Islam juga berpengaruh di negara tersebut. Malah tradisi Islam di Pakistan adalah lebih tebal pada beberapa dekad terakhir ini berbanding dengan keadaan di Turki. Suatu ketika dahulu, Pakistan adalah rakan sekutu Amerika Syarikat di Asia Selatan dan Asia Tengah, dan berikutan pengluasan pengaruh Soviet di Lautan Hindi dan di India sendiri, kepentingan strategis Pakistan telah meningkat. Namun begitu, kecenderongan Islam di Pakistan tidak begitu disenangi oleh Barat, apatah lagi berikutan pengenalan beberapa dasar Islam oleh Presiden Zia-ul-Haq. Semasa pemerintahan beliau dari 1977 hingga 1988, Zia-ul-Haq telah memupuk institusi Islam dan menyediakan bantuan kepada pergerakan Islam dalam dan luar negeri, khususnya kepada pejuang Afghanistan yang ketika itu sedang bertarung dengan tentera Soviet. Suatu isu yang sering diperbesar-besarkan oleh Barat ialah percubaan Pakistan untuk mengeluarkan bom atom - dicap 'bom Islam' oleh media Barat dan ini dijadikan alasan untuk tidak membantu negara itu dari segi ekonomi. Pakistan yang pernah menerima bantuan sebanyak 600 juta dollar setahun dari Washington dan merupakan negara penerima ketiga terbesar selepas Israel dan Mesir, merasa tertekan. Barat yang tidak lagi menganggap Pakistan sebagai bernilai strategis yang tinggi setelah tamatnya Perang Dingin, sanggup mempermainkan negara itu, hatta dengan cara tidak melepaskan pesawat pejuang yang telah dibeli olehnya - iaitu sebanyak 28 buah jet jenis F-16 dengan harga 600 juta dollar.

Kewujudan penganut Islam di Eropah Barat juga adalah dimensi kepada dunia bukan-Barat, yang sering dihubungkan dengan ancaman agama tersebut terhadap keseluruhan tamadun Barat. Tambahan pula, sebahagian mereka ini mempunyai pertalian dengan kebangkitan Islam di negara asal mereka, manakala sebahagian lain telah terserap dalam pergerakan membangun semula kehidupan Islam di kalangan se sama mereka. Di Perancis terdapat lima juta penganut Islam, sebahagian besarnya berasal dari utara Afrika, dan di kalangan mereka terdapat pihak yang berusaha mewujudkan cara hidup Islam di tengah-tengah kebudayaan

sekular moden Perancis. DBi Jerman terdapat hampir dua juta Muslim, yang terdiri dari kaum imigran dan pekerja dari Turki, pelarian Bosnia, dan sebagainya. Mereka ini yang berpusat di bandar-bandar seperti Berlin, Cologne, dan Munich, juga terlibat dalam kegiatan Islam yang membangkitkan rasa curiga dan marah di kalangan penduduk Jerman. Penganut Islam yang berjumlah satu juta di Britain turut menimbulkan konflik dan tentangan dari orang British yang sememangnya tidak senang terhadap kehadiran orang keturunan India dan Pakistan dari dahulu, dan yang kini terpaksa pula berdepan dengan tuntutan agar cara hidup Islam mereka turut dihormati sama oleh kerajaan setempat. Sungguhpun orang-orang Islam yang terlibat ini sudah lama bermastautin di Eropah Barat, telah menjadi warganegara negara-negara berkenaan, dan bersedia mengamal aspek-aspek asas dalam kehidupan bernegara, mereka masih berterusan dilihat sebagai wakil dari dunia lain - dunia bukan Barat dengan berpandangan dunia sendiri. Pemupukan Islam di kalangan Muslim di Amerika Syarikat juga telah membangkitkan persoalan serupa kepada cara hidup sekular di negara itu,³¹ dan kini penyerangan terhadap masjid-masjid semakin menjadi-jadi.

Dilema yang dihadapi oleh Barat dalam menangani krisis Bosnia tidak boleh dipisahkan sepenuhnya dari strategi Barat untuk membendung Islam. Ertinya, Barat bukan sahaja memandang ringan terhadap krisis di Bosnia kerana ia tidak berkedudukan strategis dan tidak mempunyai kekayaan minyak, tetapi juga kerana penduduk Bosnia majoritinya adalah orang Islam. Kehadiran umat Islam di tengah-tengah Eropah dengan berkerajaan sendiri pula, dilihat sebagai suatu yang berpotensi menimbulkan ancaman, apatah lagi dengan wujudnya propaganda Serb bahawa mereka sedang melanjutkan Perang Salib yang belum tamat terhadap orang Islam. Kelewatan bertindak oleh PBB dan NATO terhadap keganasan Serb berpunca dari faktor-faktor ini. Nasib yang menimpa pejuang Islam Chechnya juga ditentukan oleh pandangan Barat yang serupa. Chechnya tidak terletak di persimpangan yang strategis, dan setelah tamatnya Perang Dingin perjuangan kemerdekaan di daerah Rusia seperti itu tidak penting lagi dari perspektif keselamatan Barat. Perasaan berikutan yang diluahkan oleh seorang penduduk Chechnya atas kedinginan respon Pentadbiran Clinton terhadap nasib bangsanya menerangkan hakikat ini. Mengikut beliau, “Ketiga Perang Dingin, kamu bangsa Amerika menunjukkan kemarahan menggila kerana penahanan yang berlaku ke atas beberapa orang. Kini, apabila sebuah bandaraya dihapuskan, kamu hanya berdiam diri.” Hal yang serupa berlaku ke atas Mujahideen di Afghanistan: setelah kemenangan yang mereka capai menentang Moscow, penganut Islam di negara itu ditinggal dan dibiarkan hancur dalam perang saudara, hatta sesudah Amerika Syarikat membelanja lebih dari tiga bilion dollar untuk membantu mereka ketika peperangan melawan Rusia dan sekutunya.

PERHUBUNGAN BARAT DAN RUSIA

Soviet Union adalah musuh utama Barat ketika negara itu menjadi paksi dan pendukung kepada komunisme, dan di sepanjang Perang Dingin. Selama hampir lima dekad, pandangan dunia Barat yang terpupuk menerusi demokrasi-liberal dan Kapitalisme tercabar dan terpaksa dipertahankan dengan pelbagai cara, termasuk melalui peperangan di Vietnam dan Afghanistan. Tetapi Soviet Union juga adalah negara penuh berpotensi dari segi politik dan ekonomi, dan berikutan keruntuhan Komunisme, Barat sesungguhnya berdepan dengan realiti baru yang boleh memberinya keuntungan jangka pendek dan jangka jauh. Barat bukan sahaja mahukan habuan daripada negara bekas republik Soviet Union, seperti Ukraine dan Azerbaijan, tetapi juga dari Rusia sendiri yang telah mewarisi bahagian terpenting daripada Soviet Union. Ia seboleh-bolehnya mahu mengheret Rusia ke dalam sistem antarabangsa ciptaan Barat.³²

Perdamaian dan kerjasama dengan Rusia yang masih 'komunis' itu sekurang-kurangnya boleh membawa kepada pengurangan ketegangan Barat - Timur termasuk ancaman perang nuklear, dan ini akan membolehkan Barat menumpukan perhatiannya kepada masalah lain, termasuk masalah dalam negeri. Lebih daripada itu, Barat berkemungkinan besar dapat memasyarakatkan pandangan-duniannya, menerusi penjajaan demokrasi-liberal dan Kapitalisme. Rusia yang luas dan kaya dengan hasil mahsul, serta didiami oleh ratusan juta manusia itu, amat bermakna dari segi perkembangan ekonomi Barat yang bersifat global itu. Reformasi demokrasi yang berjalan di Rusia dengan sokongan Barat dipercayai akan mewujudkan suasana ideal bagi pelaksanaan dasar-dasar yang selama ini menjadi asas kepada pandangan-dunia dan cara hidup Barat.

Dalam keadaan ia masih berwaspada menangani Rusia yang baru terlepas dari belunggu Perang dingin, Barat tetap menghala pandangannya kepada keuntungan yang akan diperolehi dari sudut ekonomi daripada kehancuran Soviet Union dan kemerosotan pengaruh Komunisme. Pemasaran nilai demokrasi dan penjajaan idea hak asasi manusia menjadi alat yang boleh membantunya menrealisasikan cita-cita ekonominya, yang seterusnya akan menolongnya mengukuhkan lagi kehidupan materialnya. Pada mulanya, Gorbachev yang mempelupuri *glasnost* (dasar terbuka) dan *perestroika* (rancangan penyusunan semula) mendapat minat Barat, kerana dasar ini mampu membuka jalan kepada pengluasan pengaruh ekonomi Barat. Pemimpin Soviet Union itu disokong.³³ Dengan kejatuhan beliau, dan dengan kemunculan Yeltsin sebagai presiden Rusia, Barat menghala pandangan kepada tokoh kontroversi yang baru itu. Pertumbuhan ekonomi yang lembab yang dialami oleh Soviet Union dilihat sebagai kesan akibat daripada Komunisme, dan Barat bercadang membangun kehidupan baru untuk orang Rusia menerusi dasar liberal dan sistem kapitalisnya. Keadaan menjadi parah lagi apabila Moscow ketika itu membelanjakan 25 hingga 30 peratus daripada pendapatan negaranya untuk

pertahanan, dan menyalurkan bantuan kepada negara-negara sekutu dan setelitnya seperti Cuba dan Vietnam. Pembabatan Barat ini juga akan melonggarkan ikatan Rusia dengan negara-negara Eropah Timor yang sedang mengorak langkah membangun atas dasar demokrasi-liberal dan ekonomi bebas. Sebahagian daripada strategi Barat untuk merenggangkan Rusia dari zaman lepasnya ialah dengan mengalirkan bantuan ekonomi. Contohnya, Jerman telah membekalkan 30 billion dollar dalam bentuk subsidi dan pinjaman kepada negara komunis itu, bagi meringankan bebanan yang dihadapinya ekoran pengunduran Tentera Merah dari Eropah Timor.

Dalam suasana politik antarabangsa semasa, Barat tidak banyak menghadapi masalah menangani Rusia. Soviet Union bukan sahaja tidak lagi wujud, Rusia yang mewarisinya pula tidak begitu bermaya dan telah memperlihatkan komitmen terbuka untuk mengundurkan diri dari beberapa daerah yang pernah berada di bawah pengaruhnya, seperti Vietnam, Cuba dan Namibia. Ini semua membantu Barat menyerapkan Rusia dalam dunia orde baru ciptaannya, termasuk dalam Kumpulan-7 suatu hari nanti. Demokrasi telah berakar kembali dan pengawasan hak asasi manusia juga semakin mendapat perhatian serius di Rusia. Ini menyenangkan Barat, kerana ia menolong penjajaan ekonomi bebas di kawasan tersebut. Sehubungan ini, Barat begitu berwaspada mengutuk proses politik di Rusia, kerana ia bimbang negara itu akan berpatah balik ke zaman kominisme atau terpengaruh oleh perjuangan nasionalis tokoh-tokoh seperti Zhirinovskiy, dan seterusnya bertindak liar. Setakat ini ternyata reformasi demokrasi di Rusia belum benar-benar menepati kehendak Barat, dan sebahagian penting daripada rakyat negara itu telah menoleh ke belakang dengan rasa nostalgis terhadap zaman lepas komunisme apabila dilanda oleh kesusahan ekonomi. Pemerintahan Yeltsin di selubungi huruhara, birokrasi negara dirasuki rasuah, jenayah bermaharajalela dan keadaan tidak menentu menguasai masyarakat. Imej Tentera Merah turut sama terjejas apabila ia gagal menunduk kebangkitan di Chechnya, dan Rusia kelihatan lemah. Kesemua ini membimbang Barat dalam perancangannya menakluk Rusia di zaman pasca-Perang Dingin.³⁴

Kecurigaan terhadap Rusia di kalangan setengah pemikir dan pembuat dasar Barat juga masih kuat, dan ini berpunca dari sejarah negara berkenaan yang padat dengan kisah-kisah kezaliman dan pelakuan otoritarian. Seorang pemerhati berpendapat, "Russia lost its empire but not its imperial ambitions". Kecenderongan mengembangkan kuasa melewati sempadan, sebagaimana yang terbukti di zaman Czar dan semasa pemerintahan Stalin, dipercayai tetap menguasai perasaan dan pemikiran pemimpin Rusia hari ini. Mengikut diplomat dan pakar hubungan antarabangsa Amerika yang berpengaruh, George Kennan, "The endless, fluid pursuit of power is a habit of Russian statesmanship, ingrained not only in the traditions of the Russian state but also in the ideology of the Communist Party". Suatu ketika dahulu perbezaan pendapat antara beberapa pemimpin Barat juga telah turut menghambat rancangan kerjasama ekonomi Barat - Rusia. Margaret Thatcher dan John Major, dengan disokongi oleh Presiden Bush, tidak begitu cenderung

untuk memulih ekonomi negara komunis dan bekas komunis, apabila projek penyelamat dipelupuri oleh Jerman dan Perancis, negara yang pernah menjadi musuh tradisi Britain.³⁵

Hari ini, Rusia bukan sekadar dilanda oleh keadaan politik yang tidak menentu, tetapi dipaksa terlibat dalam aktiviti dagangan yang merungsingkan Barat. Kemerostan ekonomi serta kepimpinan yang tertekan dalam negeri telah menyebabkan Rusia mencari jalan mudah, termasuk dengan cara menjual bahan-bahan nuklearnya kepada Dunia Ketiga. Pelbagai jenis kelengkapan tentera dari Rusia telahpun sedia terpasar di seluruh dunia. Pegawai-pegawai tentera yang inginkan kehidupan biasa setelah dilanda masalah bertindak menjual peralatan tentera yang canggih. Ahli sains dan juru teknik Rusia pula telah dilamar oleh negara-negara yang belum tentu bersimpati terhadap Barat. Sehubungan inilah, Amerika Syarikat menawarkan 12 billion dollar kepada Moscow untuk mendapat 500 tan metrik uranium bermutu tinggi bertujuan menyekat kemungkinan bahan-bahan nuklear itu terjual ke negara lain. Uranium ini mampu menghasilkan ribuan biji bom atom. Barat juga cuba mendamaikan hati pemimpin Rusia dengan kenyataan bahawa NATO yang kini dianggotai oleh 16 buah negara, dan semakin mengembangkan keahliannya meliputi negara-negara yang berdekatan dengan Rusia, bukanlah sebuah pakatan anti-Rusia.

Kebimbangan Barat memuncak apabila Rusia mengambil langkah untuk menjual peralatan yang boleh memajukan rancangan nuklear kepada Iran.³⁶ Kerjasama Moscow dalam pembinaan loji nuklear di Busher di Republik Islam itu, mengganggu Barat, kerana sejarah permusuhan Iran dan Barat, pelakuan negara itu mengeksplot revolusi Islam, dan penentangannya terhadap proses damai Timor Tengah. Presiden Clinton cepat-cepat membantah perhubungan Rusia - Iran, dan mengenakan tekanan terhadap Moscow supaya menggugurkan cita-citanya untuk menolong Iran dari segi pelaksanaan rancangan nuklearnya. Badan-badan perisikan Barat berhempas pulas cuba menakutkan Rusia tentang bahaya yang akan dihadapi jika projek nuklear Iran menempah kejayaan. Amerika Syarikat turut menjanjikan bantuan kewangan yang boleh menolong Rusia membangun ekonominya dan seterusnya membela nasib rakyatnya, seandainya ia mengeneppikan rancangan menyokong Iran.

Apapun yang telah berlaku dalam perhubungan Barat dan Rusia, negara tersebut itu ternyata sukar untuk didamaikan, apatah lagi untuk ditawan dari segi politik dan ekonomi. Sekalipun Barat telah berlembut dalam kritikan dan kencamannya berikutan peperangan di Chechnya, yang bermula semenjak Disember 1994 dan memakan korban lebih daripada 24,000 penduduk itu, dan telah berusaha mendapat bantuan berjumlah 6 billion dollar dari Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk Rusia, ketegangan Barat - Timor belum tentu akan hilang sepenuhnya. Pandangan hidup sekular dan kemajuan material Barat tidak mudah diterima oleh bangsa Rusia yang megah terhadap sejarah dan tradisinya. Dari segi keselamatan nasional, Moscow tetap melihat NATO sebagai ancaman.³⁷ Persepsi ini menjadi

bertambah kukuh apabila PBB bersama NATO mengebom kawasan dan peralatan perang Serb, bangsa seagama dan sahabat tradisinya, dalam krisis Bosnia. Yeltsin telah menjanjikan bantuan militari kepada rakan Rusia di Balkans itu. Pengluasan pengaruh NATO bermakna pembesaran dunia Barat, dan ini tidak disukai oleh Moscow.

PENONJOLAN BARAT DAN PEMBENTUKAN ORDE SEJAGAT

Penjajaan dan pemasyarakatan nilai Barat, atau pembaratan (*Westernization*) telahpun bermula semenjak penjajahan oleh bangsa Eropah lagi. Kini proses itu kembali berjalan semakin rancak dan semakin lancar. Malah Barat juga tidak ketinggalan memperkenalkan dan mencanangkan nilai moralnya sebagai kriteria dalam mentakrif dan mentafsir kebudayaan lain.

Barat yang merasa dirinya semakin kukuh telah bertindak seakan dunia berpusat dan berputar pada Barat. Barat menganggap kehadirannya sebagai teras tamadun, dan dunia bukan-Barat di lihat sebagai kawasan pinggirannya, yang membekal bahan mentah, yang menjadi pasaran untuk barang-barang buatannya, yang berfungsi sebagai daerah perkelahan, yang bertindak sebagai medan ujikaji senjata, dan yang perlu dipertahankan sebagai hutan simpanan dan taman binatang. Dunia antarabangsa tersusun dalam satu hierarki, dengan dunia Barat yang berkelengkapan pandangan hidup tersendiri, berdiri di tempat paling atas. Apapun pengucapan yang lahir dari pemimpin Barat tentang demokrasi, hak asasi manusia dan keadilan, idea kemajuan yang berpandangan pandangan-dunia sekular ini tetapi disogokkan bertujuan menentukan hubungan antara Barat dan dunia luar. Dari satu segi, negara bukan-Barat turut bertanggungjawab mengukuhkan sentimen ini; purak peranda yang melanda kehidupan mereka, sistem politik mereka yang berterusan berada dalam keadaan tidak stabil, dan ketidakupayaan mereka menandingi Barat dalam bidang sains dan teknologi, kesemua ini menyakinkan lagi Barat bahawa ia adalah golongan yang akan mendefiniskan sejarah masa depan dunia.

Kekuatan senjata menjadi asas dan sandaran penting Barat dalam rancangannya mengepung dunia luar. Anthony Lake, Penasihat Keselamatan Negara kepada Clinton, menegaskan bahawa diplomasi yang tidak berkaitan dengan kuasa akan gagal. Amerika Syarikat yang memiliki 200 buah pengkalan tentera di seberang laut, menjadi tunggak kepada pertahanan dan pengluasan pengaruh Barat. Kepercayaan kepada kekuatan militari sebagai jaminan dalam penawanan dunia menyebabkan Barat berusaha bersungguh-sungguh untuk mengekalkan monopolinya ke atas senjata nuklear, sekalipun cita-cita ini tidak dapat dipertahankan apabila beberapa negara bukan Barat, seperti China, turut memiliki keupayaan nuklear.

Walau bagaimanapun, mampukah Barat mengheret dunia bukan-Barat untuk menghayati pandangan-hidupnya atau sekurang-kurangnya memperolehi sokongan luar itu bagi penerusan kemajuan materialnya? Apakah demokrasi-liberal yang

pernah diagong-agongkan sebagai 'a final form of human government'³⁸ itu akan menjadi agama politik anutan semua, tambahan pula pada hari ini sudahpun terdapat 30 buah negara³⁹ yang dipercayai berada dalam 'peralihan' menuju demokrasi? Sejauhmanakah Washington berkeupayaan mendemokrasikan dunia luar mengikut imejnya, dan memberi 'kebahagiaan' kepada dunia bukan-Barat itu sebagaimana pernah dan sedang kecapi selama ini? Politik antarabangsa yang bersifat cair (*fluid*), dan kadangkala bercorak anarkis itu, belum tentu akan memberi ruang dan peluang yang sepenuhnya atau selama-lamanya kepada Barat untuk beroperasi. Negara-negara seperti Sri Lanka, Pakistan dan Kuwait, oleh sebab-sebab tertentu, mungkin lebih mudah untuk diolah supaya mengikut telunjuk Amerika, tetapi bagaimana dengan negara-negara lain yang ternyata berpendirian keras yang membuatnya sukar untuk diperkotak-katikan. Negara-negara ini belum tentu akan memberi laluan mudah kepada pendemokrasian. Pertama, jika ditinjau dari segi falsafah bernegara, di sana terdapat fahaman dan komitmen dalam kehidupan politik di banyak negara yang berkonflik dengan aspirasi demokrasi. Sebahagian daripada realiti ini berpunca dari kepercayaan keagamaan, atau terbentuk dalam proses sejarah, dan telah menjadi nilai dan institusi yang begitu berperanan dalam pemerintahan dan pentadbiran. Sungguhpun Islam memberi ruang kepada beberapa amalan demokrasi, ia tidak sepenuhnya mempertanggungjawabkan rakyat menentukan kehidupan bernegara. Barat boleh berpendirian bahawa demokrasi merupakan kecenderungan universal, yang sepatutnya menundukkan kehendak-kehendak setempat, termasuk Islam. Tetapi bagi orang Islam, agama mereka ialah rahmat kepada sekalian alam, yang seharusnya dibentangkan untuk semua manusia. Sebenarnya demokrasilah yang bermula sebagai sebuah dogma tempatan, satu jenis parokialisme yang kini cuba disejagatkan, seolah-olah ia diwahyukan untuk dipasarkan sedemikian rupa. Suara majoriti tidak semestinya mewakili kebenaran, ia boleh memupuk individualisme yang rakus dan rasionalisme yang mengganas.

Dunia Islam tidak bersendirian sebagai daerah tradisi yang akan mengenakan syarat ketat ke atas pensejagatan demokrasi. Kawasan-kawasan yang selama ini menganut kepercayaan Buddhisme-Konfusioneisme seperti Jepun, Korea Selatan dan Singapura, sampai kinipun tidak sepenuhnya mendukung cita-cita demokrasi ala-Barat. Ciri otoritarianisme yang tersalut pada sistem satu-parti kadangkala dipertahankan, kerana ia dianggap penting bagi membina negara yang maju dan masyarakat yang padu. Kedinamikan yang terdapat pada demokrasi Barat dibimbangi boleh merosakkan keharmonian yang sedia terjalin dalam sejarah dan yang telah diperkuatkan oleh falsafah bernegara yang sedang beroperasi.

Kalau diambil-kira kepentingan politik dan peribadi pemimpin negara yang berkuasa bukan melalui proses pilihanraya, maka halangan dan hambatan yang terpaksa dihadapi oleh pejuang demokrasi akan bertambah. Pemerintah diktator, atau rejim tentera atau seumpamanya, yang tidak dipilih oleh rakyat secara terbuka, tentu tidak senang terhadap rancangan demokrasi. Golongan yang bertindak sebagai sistem sokongan kepada pemerintahan diktator, seperti puak Takritis di Iraq

dan puak Alawis di Syria, juga akan menolak pendemokrasian di negara mereka.⁴⁰

Beberapa perkembangan akhir-akhir ini menjelaskan betapa bercampur-aduknya respon yang telah ditunjukkan oleh pihak-pihak tertentu dari kalangan dunia bukan-Barat terhadap idea pembentokan orde sejagat oleh Barat. Beberapa negara bekas republik Soviet Union, termasuk Rusia sendiri, memperlihatkan sikap berbelah bagi apabila keadaan politik dan ekonomi yang tidak menentu lebih banyak menimbulkan tanda tanya daripada menyediakan jawapan masalah hidup harian. Rasa nostalgis terhadap Kominisme seringkali juga memuncak dalam keadaan seperti ini, iaitu apabila rakyat yang kehabisan makanan terpaksa menjual harta benda untuk menyarakan hidup, atau apabila kekecamukan politik memeningkan fikiran mereka yang selama ini hidup terbendong oleh propaganda dan pelakuan yang meneruskan kehidupan politiknya. Peking merasa lebih bertuah kerana telah tidak mengikuti jejak langkah Rusia.

Aspek lain yang turut membantut perasaan setengah negara bukan-Barat terhadap idea dan reformasi demokrasi tajaan Barat ialah ketidak-ikhlasan Barat dalam mempopularkan dan mensejagatkan falsafah politiknya. Sikap *double-standard* atau hipokrisi ini ternyata apabila Barat berdepan dengan kemenangan FIS di Algeria, dalam pilihanraya yang lalu di negara tersebut.⁴¹ Demokrasi yang memenangkan pihak yang berpotensi berkonflik dengan Barat tidak diestuhinya. Barat tidak berhenti setakat itu dalam rancangannya menghalang kejayaan Islam di negara Afrika utara itu. Ia menyokong usaha kerajaan Algiers melumpuh dan menghancurkan FIS, dan meletakkan pencapaian FIS dalam perspektif yang negatif - iaitu sebagai sesuatu yang bertentangan dengan arus global yang sedang menempatkan demokrasi Barat sebenar. Manakala di pentas-pentas demokrasi di Eropah Barat, di mana kaum imigran sedang membesar dan semakin berpengaruh, hak mereka sebagai manusia dan warga negara semakin dinafikan.

Dunia bukan-Barat juga bukanlah kawasan yang subur semuanya hatta dalam keadaan pemimpin-pemimpin yang berkuasa akur kepada kehendak dan tuntutan Barat dari segi penterjemahan idea demokrasinya. Beberapa daerah di Dunia Ketiga umpamanya ternyata tidak sesuai, dan mungkin akan kekal sedemikian buat satu jangka waktu yang lama, bagi pelaksanaan politik pluralisme yang dibawa oleh Barat. Ketiadaan pra-syarat serta pasaran yang boleh menjayakan perjalanan demokrasi adalah ciri-ciri ketara dalam kehidupan politik di tempat-tempat berkenaan. Ini termasuklah kelemahan sistem perundangan, kelumpuhan parti politik, krisis ekonomi dan ketidak-upayaan kumpulan pendesak memainkan peranan yang sewajarnya. Kegagalan demokrasi menyelesaikan masalah politik dan sosial di India dan Filipina adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti ini.

Secara bandingan, Barat barangkali lebih berkemampuan dan lebih berjaya mensejagatkan nilai ekonominya, dan seterusnya membentuk orde ekonomi antarabangsa yang bersifat atau berperwatakan kapitalis. Ia boleh mencapai matlamatnya ini secara berasingan dari rancangan politiknya. Proses pensejagatan nilai ekonomi yang berjalan secara ini mungkin bertindak perlahan, dalam keadaan

ketiadaan sokongan dari perkembangan demokrasi. Namun ini sedang berlaku. Beberapa sektor di Rusia semakin terbuka kepada pasaran bebas, sekalipun negara tersebut masih kekal dalam penguasaan pengaruh komunis. Shanghai dan beberapa bandaraya di China telah membuka diri kepada penjelajahan kapitalisme, sekalipun negara tersebut masih kekal berperintahan komunis. Dan tanpa membenarkan diri masing-masing dikuasai oleh proses demokrasi, beberapa negara Arab yang otoritarian dan berkerajaan kuku besar telah mengambil bahagian yang aktif dalam ekonomi bebas antarabangsa yang berpusat di Barat.

Jalinan antara kehendak politik dan keperluan ekonomi bukanlah suatu jalinan yang ketat dalam kehidupan antarabangsa sesama negara Baratpun. Ini memudahkan pendekatan dualisme di kalangan mereka. Beberapa buah negara Barat yang kuat berpegang kepada tradisi demokrasi tidak bersungguh memasyarakatkan falsafah politik itu ketika mengadakan interaksi ekonomi dengan dunia bukan-Barat. Sebelum ini telahpun dijelaskan tentang perlumbaan antara beberapa negara Eropah Barat untuk berdagang dengan negara-negara seperti Iraq, Iran dan Libya, yang dicap sebagai negara 'pelindung pengganas', atau *rogue states*, dan yang menerima kecaman bertalu-talu dari Amerika Syarikat, serta menjadi sasaran sekatan ekonominya. Komitmen ekonomi yang berhubung dengan kepentingan nasional terutama sekali diberi pemberatan begitu rupa sehingga pihak-pihak yang terlibat sanggup mengenyepikan perkiraan politik seperti pembelaan hak asasi manusia. Ia sanggup menutup mata apabila berhadapan dengan isu moral seumpama itu. Malah kadangkala negara-negara ini bertindak lebih jauh dengan berkonflik sesama mereka dalam persaingan ekonomi. Contohnya, selama ini kehadiran Komuniti atau Kesatuan Eropah sudah cukup untuk mengganggu Washington. Dengan perkembangan dan penularan pengaruh negara-negara Eropah Barat seperti Jerman, konflik sesama Barat boleh merebak. Dari segi sejarah, bangsa Jerman adalah musuh tradisi orang Perancis dan Britain, sebagaimana orang Perancis adalah musuh tradisi bangsa Inggeris. Pertelingkahan ini boleh berpindah ke luar menjadi perlumbaan antarabangsa di dunia bukan-Barat, apabila isu yang berbangkit dan objek persaingan mereka itu berada di luar perbatasan Barat.

Pada keseluruhannya, demokrasi-liberal dan Kapitalisme sebagai 'expansionist ideology' lebih mudah dibentangkan jika negara-negara Barat ini berdepan dengan ancaman atau musuh bersama, sebagaimana ia bersatu menentang Iraq. Kalaulah orde baru yang digambarkan oleh Presiden Bush dapat bertahan selama dua tahun, dari 1989 hingga 1991, disebabkan oleh kesatuan cita-cita untuk memusnahkan tentera Sadam Hussein, maka penjajaan dan pemasyarakatan nilai-nilai sekular Barat akan menghadapi kalangan yang bukan kecil lantaran ketiadaan suasana politik dan komitmen ekonomi bersama di kalangan negara-negara Barat, sepertimana yang wujud ketika Perang Teluk.

Sesungguhnya konflik antara Barat dan dunia bukan-Barat tidak seharusnya dibiarkan bertukar menjadi konfrantasi berpanjangan yang boleh menghancurkan kemanusiaan. Perhubungan yang lebih membina sepatutnya dipupuk, kerana mahu

tidak mahu Barat terpaksa hidup berdampingan dan bergandingan dengan dunia bukan-Barat, dan kerana tidak semua negara bukan-Barat pula sanggup menganut pandangan hidup yang dipopularkan oleh pihak luar. Kerjasama dan pertukaran nilai yang boleh memberi kebaikan dan keuntungan bersama sewajarnya digalakkan. Di sana terdapat perkara yang boleh dianjurkan dan dimajukan bersama untuk kepentingan semua, seperti penyaluran bantuan kemanusiaan, perpindahan teknologi, dan pemupukan pasarana, di samping prinsip keadilan universal sendiri, yang semestinya akan membawa kepada pengkayaan hidup dan berkemungkinan pula membawa kepada keamanan sejagat. Kalaulah Barat sanggup mempertahankan hutan tropika dengan segala isi kandongannya, dan sanggup membela nasib binatang liar dari ancaman pupusan dengan membiayai tanam kebangsaan dan safari, samada untuk menjaga imbalan ekologi, atau untuk mengelak berlakunya pencemaran alam, atau untuk menyelamatkan kehidupan, maka tentulah tindakan dan pelakuannya menjadi lebih bermakna jika Barat turut menghormati perbezaan yang terdapat dalam tradisi politik dan sistem ekonomi di dunia bukan-Barat.

¹Lihat Arnold J. Toynbee, *The World and the West*, OUP, New York & London, 1953.

²Lihat Emma Rothchild, "What is Security?", *Daedalus*, Summer 1995, hlm. 55.

³Lihat Walter Russell Mead, "Lucid Stars: The American Foreign Policy Tradition", *World Policy Journal*, vol. XI, No. 4, 1994/95, hlm.3.

⁴Lihat David C. Hendrickson "The Democratic Crusade. Intervention, Economic Sanctions, and Engagement", *World Policy Journal*, Vol. XI, No. 4 1994/95, hlm. 18.

⁵Lihat umpamanya, Robert W. Tucker & David C. Hendaikson, *The Imperial Temptation, The New World Order and America's Response*, New York, 1992, hlm. 29-30, 41.

⁶Lihat John B. Judis, *Grand Illusion. Critics and Champions of the American Centuries*, New York, 1992.

⁷Lihat U.S. News, *Triumph Without Victory: The History of the Person Gulf War*, Times Books, 1993, hlm., 25.

⁸Lihat Judith Miller dan Laurie Mylroie, *Saddam Hussein and The Crisis in the Gulf*, Times Books, 1990, hlm. 115.

⁹Lihat umpamanya Ole R. Holsti dan James N. Rosenau, "A Leadership Decided: The Foreign Policy Beliefs of American Leaders, 1976-1984 dlm. Charles W. Kegley, Jr. Eugene R. Wittkoff (ed.) *The Domestic Sources of American Foreign Policy*, New York, 1988, hlm. 34-40.

¹⁰Lihat juga Roger Cohen, "Honor Too, Is Put to Flight in Bosnia", *The New York Times*, July 16, 1995, dan "US Weighs A Response to French Call on Bosnia", *The New York Times*, July 15, 1995.

¹¹Lihat juga Joanna Spear, "Beyond the Cold War: Changes in the International Arms Trade", *Harvard International Review*, vol. xvii, No. 1, Winter 1994/95.

¹²Lihat Joseph S. Nye, Jr., *Bound to Lead: The Changing Nature of American Power*, Basic Books, U.S.A. 1990, hlm. 240.246.

¹³Lihat umpamanya, John Spanier, *American Foreign Policy since World War II*, Washington, 1992, hlm. 355,356.

¹⁴*Ibid.*, hlm. 357.

¹⁵Lihat "Mr. Mulrooney and the Challenge of China"(Edit), *The Globe and the Mail*, April 15, 1995.

¹⁶Lihat juga "US-China Containment Strategy" *The New York Times*, May 23, 1995; Walter Russell Mead, "The Danger of Bigger Trouble with the Chinese", *The New York Times*, August, 15, 1995 dan Nicholas D., Kristof, "The Red Chinese Threat", *The New York Magazine*, August 27, 1995, hlm 50-51.

¹⁷Lihat "Vietnam's Attraction", *The New York Times*, August 9, 1995.

¹⁸Lihat John F. Burns, "India New Winning U.S. Investment", *The New York Times*, February 6, 1995.

¹⁹Yusoff M. Ibrahim, "A Ban on Libyan Oil Unlikely, Analysts Say", *The New York Times*, Mac 29, 1995.

²⁰Lihat Alan K. Henrikson, "Constructive Containment: Introduction to Alternative to Military Intervention", dalam *The Fletcher Forum of World Affairs*, Vol. 19, No. 2, Summer/Fall, 1995, hlm. 6.

²¹Lihat Michael Field, "How to Stop Militant Islam", *The New York Times*, July 3, 1995. Lihat juga Jenny B. White, "Islam and Democracy: The Turkish Experience", *Current History*, January 1995, hlm. 12.

²²Lihat Zackary Karabell, "The Wrong Threat: The United States and Islamic Fundamentalism", *World Policy Journal*, No. xii, No. 2, Summer 1995, hlm. 37.

²³Lihat "March of the Militants," *Far Eastern Economic Review*, March 9, 1995.

²⁴Lihat John G. Stoessinger, *Crusaders and Pragmatists, Movers of American Foreign Policy*, New York & London. 1979, hlm. 280.

²⁵Lihat umpamanya, Yusoff Bodansky, "The Grand Strategy of Iran", *Global Affairs*, Fall 1993, Vol. VIII, No. 4. dan Assad Homayoun, "Assessing the Islamic Republic of Iran", *Global Affairs*, Spring 1995, Vol. VIII, No. 2.

²⁶Lihat *The Seattle Times*, April 13, 1995.

²⁷Lihat , *The New York Times*, January 1, 1995, *The New York Times*, March, 15 1995, dan *The New York Times*, May 1, 1995.

²⁸Lihat juga Gilles Kepel, "Islamists versus the States in Egypt and Algeria", *Daedalus*, Summer, 1995.

²⁹Lihat Zachary Karabell, *op.cit.*, hlm. 44. Lihat juga Mary Anne Weaver, "The Novelist and the Sheikh", *The New York*, January 30, 1995, hlm. 56.

³⁰Lihat juga Ghasser Salame, "Islam and The West", *Foreign Policy* , No. 90. Spring 1993, hlm. 30.

³¹Lihat umpamanya, "Attacks on U.S. Muslims Surge as their Faith Takes Hold", *The New York Times*, August 28, 1995.

³²Lihat juga David Halberstam, *The Next Century* ,New York, 1991.

³³Lihat Charles H. Fairbanks, Jr. "A Tired Anarchy", *The National Interest*, Spring 1995, hlm.

22-24.

³⁴Lihat umpamanya Benjamin S. Lambeth, "An Ailing Army Needs Our Help", *The New York Times*, February 28, 1995 dan Jack F. Matlock., Jr. "Russia's Centre Does Not Hold", *The New York Times*, June 29, 1995.

³⁵Lihat Lyndon H. LaRouche, Jr., "Prospects for Russian Economic Revival", *Executive Intelligence Review*, March 17, 1995, hlm. 20.

³⁶Lihat *The New York Times*, April 3, 1995 dan *The New York Times*, April 19, 1995.

³⁷Lihat *The New York Times*, March, 17, 1995.

³⁸Lihat Francis Fukuyama, *The End of History and the Last Man*, Penguins Books, 1992, hlm. xi.

³⁹Larry Diamond, "Promoting Democracy", *Foreign Policy*, No. 87, Summer 1992, hlm. 25. Lihat juga Samuel P. Huntington, "Democracy's Third Wave", *Journal of Democracy*, Spring 1991, hlm. 12,13,14.

⁴⁰Lihat Muhammad Muslim & Augustus R. Norton, "The Need for Arab Democracy", *Foreign Policy*, No. 83, Summer, 1991.

⁴¹Lihat umpamanya, Robert A. Mortimer, "Algeria; The Clash between Islam, Democracy, and the Military", *Current History*, January 1993.